

**DEPRESI EKONOMI DUNIA 1929-1935:
PERUBAHAN DASAR EKONOMI, HALA TUJU DAN INVOLUSI
PERTANIAN DI PULAU JAWA**

Dr. Nazarudin Zainun

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

ABSTRACT

The economy of the East Indies once had been developed for 3 decades started at the beginning of the 20th century. The growth of agricultural sector made East Indies as once of the most important corps export countries in the world at that time. The economic rapid development for the 3 decades had allowed the indigenes to enjoy a better quality of life.

At the peak development of East Indies in 1929, there was economic depression that cause the corps production of East Indies did not sell well in the world market. It caused the collapse of private agricultural companies followed by the decline of the indigenes' life level. They turned into poor people in sudden.

In order to address this problem, the government took drastic step by tightening the budget. Thus it caused the change of basic economy of East Indies government, from free trade into economic interference. The budget cut automatically happened, yet efficient acts did not taken immediately.

Budget cut in terms of subsidy caused the sugar cane fields turned into rice fields. But irrigation problem retarded the growth of rice in the fields. At the same time the number of farmers increased steadily because of the discharge of sugar cane fields' and factories' labors. The labors who are not accommodated into other sectors accumulated in rice field sector. Because the output was still the same while the labors increased, the productivity per labor actually decreased. This was the sign of beginning of agricultural involution in Java Island.

Thus, economic depression in 1929 has lead to the long-term effect on East Indies Governmant, and none of their efforts were success in managing the bad situation caused by the depression.

Keywords: *Econommic depression, Agricultural involution, East Indies and Java Island.*

PENDAHULUAN

Krisis besar dunia dalam bidang ekonomi yang bermula dalam tahun 1929 telah membawa pengaruh buruk kepada negara-negara yang menghasilkan bahan mentah berasaskan pertanian untuk pasaran antarabangsa (Gonggrijp, 1957:172). Harga komoditi seperti beras, jagung dan ubi-ubian merosot dengan mendadak bersama harga komoditi eksport seperti gula, getah, kopi, teh, kina dan kopra. Semasa krisis ini penggunaan mata wang bagi menggantikan sistem barter telahpun bermula secara meluas. Namun akibat krisis ini, pengedaran mata wang dalam pasaran berkurangan. Hal ini berkait dengan kemerosotan harga dan hasil-hasil pertanian tertentu, sewa tanah dan upah buruh. Keupayaan membayar balik ansuran pinjaman kepada bank semakin merosot.

Krisis ekonomi antara 1929-1935 ini sebenarnya satu gejala ekonomi dunia kerana hampir tidak ada satu negara pun, terutama yang terlibat dalam ekonomi import dan eksport, terlepas dari pengaruh krisis ini sehingga ianya dirujuk sebagai 'zaman meleset'. Perkataan meleset atau depresi selalunya merujuk kepada kemunduran atau kemerosotan yakni keadaan yang serba susah dalam perniagaan. Sementara zaman depresi ekonomi yang melanda seluruh dunia seperti 1929-1935, selalunya dirujuk sebagai zaman depresi ekonomi dunia seperti digunakan dalam artikel ini (Abidin, 1995).

Bagi ekonomi Indonesia, terutamanya Pulau Jawa dengan ekonomi eksportnya, kesan depresi ekonomi ini bukan sahaja mempengaruhi masyarakat dan kegiatan ekonomi di bandar tetapi turut memberi kesan kepada kehidupan petani di luar bandar (Djojohadikusumo, 1989).

Kajian tentang depresi ekonomi dunia 1929-1935 telah banyak dihasilkan. Begitu juga dengan depresi ekonomi di Indonesia (Pulau Jawa) yang telah banyak ditulis sama ada oleh pengamat dan pencatat sezaman, mahupun pengkaji sejarah sama ada dalam kalangan masyarakat tempatan atau sarjana asing. Malah kajian berhubung tajuk ini amat popular dalam kalangan sarjana asing.

Sungguh pun begitu masih terdapat ruang kosong yang perlu diisi dan dilengkapi untuk manfaat dan pengajaran pada masa hadapan kerana gejala depresi ekonomi seperti itu boleh berulang dan sebenarnya telahpun berlaku. Pada Julai 1997 kejatuhan indeks di bursa saham Thailand diikuti Indonesia, Korea, Malaysia, Singapura dan Hong Kong telah memulakan krisis ekonomi Asia yang hebat. Bezanya pada kali ini krisis bermula dari Asia Tenggara, sedangkan pada 1929, kejadian serupa bermula dengan kejatuhan bursa saham New York pada 24 Oktober 1929 (Gonggrijp, 1957). Kejadian ini membuatkan kita percaya bahawa kehidupan ibarat satu lingkaran (lingkaran syaitan) yang sentiasa berpusing tanpa menemukan hujung dan pangkalnya. Apabila tiba di satu peringkat, hal yang sama akan terjadi lagi. Gejala ini cuma dibezakan oleh waktu dan

tempat sedangkan bentuknya tetap sama, iaitu depresi ekonomi terjadi apabila ekonomi sesebuah negara berada di puncak pertumbuhannya.

Oleh sebab itulah dirasakan setiap ruang yang kosong dalam kajian dan tafsiran yang sedia ada perlu dikaji semula dan dilengkapi, agar dapat menjadi panduan dan sandaran untuk masa akan datang.

KAJIAN LALU

Depresi ekonomi dunia di Indonesia umumnya dan Pulau Jawa khususnya, memang telah mendapat perhatian dari ramai pengkaji dan pengamat serta pencatat sezaman. Hal ini sejajar dengan asas-asas ekonomi di Hindia Belanda yang mendapat pukulan hebat akibat depresi ekonomi yang melanda seluruh dunia seperti yang diungkap oleh William Joseph O'Malley, yang membuat penyelidikan di Pulau Jawa dan Pulau Sumatera (O'Malley, 1979). Dalam disertasinya O'Malley memaparkan kesan ekonomi akibat krisis ini di Yogyakarta dan Pantai Timur Sumatera dengan kebanyakan komoditi eksport menghadapi masalah kejatuhan harga yang mendadak.

Meskipun mengkaji depresi ekonomi, O'Malley sebenarnya memberikan lebih penekanan kepada perubahan politik di kedua-dua kawasan kajiannya. Penggunaan dan pengolahan sumber, oleh O'Malley sangat baik dengan menggabungkan pelbagai sumber arsip, temubual (antara 50 - 60 orang) sumber tidak diterbitkan (tesis, laporan tahunan) surat khabar semasa, majalah berkala, monograf, buku dan artikel.

Satu-satunya sarjana (juga tokoh birokrat) Indonesia yang mengkaji zaman ini ialah Sumitro Djojohadikusumo. Kajiannya kepada perbankan dan kredit pada zaman depresi (Djojohadikusumo, 1943). Kajiannya memfokuskan kepada struktur ekonomi Indonesia yang berorientasikan eksport, kesan depresi ke atas kehidupan petani kecil di luar bandar yang telahpun mengalami proses penggunaan wang secara meluas (*monetization*). Walau bagaimanapun, Sumitro tidak pula menjelaskan bagaimana proses monetisasi itu terjadi sejak 1870 apabila Undang-Undang Agraria yang menandakan bermulanya dasar Liberal dalam bidang ekonomi perladangan di Indonesia. Hal ini berlaku kerana perhatian Sumitro tertumpu kepada keadaan rakyat semasa depresi ekonomi yang disaksikannya sendiri, ketika mengikut ayahnya, Margono Djajahadikoesoemo, yang bertugas di *Algemene Volkscrediet Bank* (AVB) dan Jabatan Koperasi di luar bandar.

Sumitro lebih banyak menggunakan sumber buku dan artikel dan amat kurang sumber arsip. Beliau lebih banyak menulis berdasarkan pengamatannya sebagai anak kepada seorang pegawai bank. Akibatnya sebahagian dari statistik dan kesan depresi yang dipaparnya tidak disertakan sumber.

Sementara itu kajian Ian Brown berhubung depresi ekonomi melihat pertumbuhan dan kemunduran ekonomi berdasarkan kepada ekonomi eksport (Brown, 1999). Bagi beliau krisis ini membawa berbagai tekanan ke atas daerah luar bandar Asia Tenggara yang terikat dengan ekonomi antarabangsa. Beliau menegaskan kawasan luar bandar menanggung akibat yang berat kerana depresi ekonomi dimulai oleh kemerosotan eksport (Brown, 1986).

Tulisan lain yang tidak kurang pentingnya disumbang oleh G. Gonggrijp yang memberi perhatian kepada krisis ini dalam bab lapan bukunya (Gonggrijp, 1957). Selain menghuraikan sebab-sebab berlakunya depresi ekonomi, beliau juga membincangkan pertukaran sandaran mata wang dari emas kepada cara lain. Jika sebelumnya wang dicetak berdasarkan sandaran emas tetapi kini hanya berdasarkan kepercayaan terhadap data dan statistik pertumbuhan negara. Selain itu masalah cukai, gaji pekerja, hutang pemerintah, perbelanjaan pemerintah dan kemasukan barangan dari Jepang turut diberi perhatian.

Kesan dari depresi ekonomi dunia secara sepintas lalu turut disentuh oleh R.E. Elson (Elson, 1984). Beliau melihat kesan depresi dari kejatuhan industri gula di Jawa Timur ke atas petani. Hampir keseluruhan rujukannya adalah dari sumber arsip, kecuali beberapa buah buku dan artikel.

J.S. Furnivall yang mengkaji tentang ekonomi majmuk melihat depresi ekonomi 1929-1935 dalam bab-bab terakhir bukunya yang masyur itu (Furnivall, 1939). Beliau turut membincangkan pemulihan pentadbiran dan politik, kemajuan ekonomi, kesan sosial serta kesan secara umum krisis tahun 1929 ini ke atas Indonesia.

Sebagai pengkaji dan penulis terawal tentang revolusi di Indonesia, George McTurnan Kahin turut mengamati fenomena depresi ekonomi dunia di bahagian awal kajiannya (Kahin, 1970). Ulasannya menyentuh pemilikan tanah, peluang pekerjaan dan pendidikan. Walaupun perbincangan tentang hal-hal ini terpisah-pisah, beliau beranggapan depresi itu penting dalam mempengaruhi perkembangan sosiopolitik berikutnya.

Kajian yang tidak kurang pentingnya boleh dirujuk kepada A. Neytzell de Wilde dan J. Th. Moll (Wilde, 1936). Mereka memberi perhatian kepada pergerakan harga, eksport dan import barangan serta dasar kerajaan kolonial semasa kemelesetan. Sementara itu penulis-penulis lain yang membincangkan tema ini termasuklah Anne Booth, W.J. Cator dan E.S. de Klerck (Booth, 1990).

Berhubung masalah perbandaran pula telah disentuh oleh John Ingleson yang menumpu kepada pekerjaan, kos sara hidup serta pendapatan penduduk di bandar-bandar utama di Indonesia (Ingleson, 1988). Perbincangan tentang bebanan kenaikan pajak di luar bandar

Asia Tenggara pada awal 1930-an, yang dikatakan menjadi punca kepada keadaan tidak menentu lalu membawa kepada pemberontakan, boleh dirujuk kepada James C. Scott (Scott, 1976). Sementara itu Peter Boomgaard mula mengkaji secara ringkas industri gula di Jawa sebelum, semasa dan selepas depresi ekonomi, walaupun demikian perbincangannya tidak menyentuh kesan kepada perubahan hala tuju ekonomi ke atas rakyat di Jawa (Boomgaard, 1988).

Selain itu sejarawan Sartono Kartodirdjo turut membincangkan krisis ini semasa membincangkan perladangan di Indonesia (Kartodirdjo, 1991). Namun tumpuannya lebih kepada kesan import dan eksport di zaman ini secara menyeluruh di Indonesia, sedangkan perubahan dasar ekonomi tidak pula disentuh. Berhubung depresi ekonomi beliau hanya menyentuhnya dalam beberapa halaman sahaja seolah-olah membayangkan rema ini kurang penting dan tidak popular dalam kalangan sarjana atau sejarawan tempatan. Malah sehingga kini hanya Sumitro Djojohadikusumo sahaja dari kalangan sarjana tempatan yang menulis khusus tentang masalah depresi dan kesannya terhadap Indonesia. Pengabaian tema ini oleh sejarawan Indonesia turut meminggirkan kepentingan peristiwa ini pada masa kini.

Penggunaan sumber arsip tempatan (Indonesia) didapati amat kurang sekali. Kemungkinannya ini berlaku kerana sumbernya tidak ada atau kerana masalah birokrasi atau halangan-halangan lain berbanding penggunaan sumber arsip dari Belanda yang lebih luas.

Fokus tulisan dalam artikel ini ialah perubahan dasar ekonomi, hala tuju dan involusi pertanian di Pulau Jawa.

PERMASALAHAN

Sejarah depresi ekonomi dunia khususnya yang berkaitan dengan Indonesia yang ketika itu dikenali sebagai Hindia Belanda telah banyak dikaji. Walau bagaimanapun, kajian dari aspek perubahan dasar ekonomi dan hala tuju ekonominya tidak disentuh. Beberapa aspek penting yang dipinggirkan oleh sarjana terdahulu perlu dibincangkan khususnya hal-hal yang berkaitan dengan kesan jangka panjang yang mengakibatkan involusi pertanian di Pulau Jawa. Kawasan kajian meliputi seluruh Pulau Jawa yang terdiri dari tiga wilayah iaitu Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur (Nitisastro, 1970). Pulau Jawa dipilih sebagai kawasan kajian kerana pulau ini merupakan pusat pentadbiran kolonial Belanda yang terletak di Batavia dan kini dikenali sebagai Jakarta. Dari segi penduduk, pulau ini juga menampung sebanyak dua per tiga dari jumlah seluruh penduduk Indonesia yang ketika itu berjumlah 60.7 juta sedangkan keluasannya pula merangkumi hanya satu per empat belas seluruh wilayah Indonesia (Burger, 1975). Berdasarkan jumlah penduduk maka tidak hairanlah Pulau Jawa juga merupakan kawasan

pertanian dan perladangan yang terpenting bagi Hindia Belanda ketika itu menjadikan kegiatan import dan eksport hasil pertanian dari kawasan ini penting untuk pasaran antarabangsa.

Dari segi jangka masa, 1929 dipilih kerana pada tahun inilah bermulanya depresi ekonomi dunia yang berlarutan sehingga 1935, apabila keadaan depresi menjadi semakin pulih (Creutzberg, 1974).

Sejak 1900 berlaku perubahan pada seluruh sistem ekonomi di Hindia Belanda yang bermula dari keperluan kepada bahan mentah untuk industri di negara-negara Eropah. Berikutnya Pulau Jawa telah dibuka untuk pertanian secara besar-besaran dengan kemasukan besar-besaran modal asing ke Hindia Belanda terutamanya selepas 1900 dan Perang Dunia Pertama (Furnivall, 1939). Pelabur-pelabur ini bukan sahaja dari Belanda, tetapi juga dari Amerika Syarikat, Jepang, Italia, Jerman, Perancis dan Belgia (O'Malley, 1979). Mereka membuka ladang seperti tebu, karet, kopi, teh, tembakau dan koko. Seiring dengan kemajuan ini kemudahan asas juga mula berkembang seperti pembinaan jalan raya dan jalan keretapi sementara sistem pengairan diperkenal dan diperluaskan. Para pemilik ladang dan tuan tanah mula mendapat keuntungan. Begitu juga dengan kerajaan kolonial Belanda dan masyarakat yang dikatakan mula mengecapi perubahan dalam gaya hidup.

Ketika menjelang depresi ekonomi dunia, ekonomi Hindia Belanda telah berada di puncak dan telah pun berkembang selama tiga dekad (O'Malley, 1979). Terdapat banyak sebab mengapa malapetaka depresi ekonomi dunia terjadi ketika itu. Satu faktor pencetus telah dikenal pasti iaitu spekulasi saham di pusat-pusat kewangan antarabangsa terutamanya di Wall Street, New York dan bursa saham di London. Akibat dari kegiatan spekulasi ini menyebabkan bursa saham New York jatuh merudum pada 24 Oktober 1929 dan seterusnya mempengaruhi pasaran saham di seluruh dunia (Gonggrijp, 1957).

Kejatuhan harga saham sekali gus mempengaruhi harga komoditi eksport dari Hindia Belanda secara langsung dan menyebabkan harga komoditi eksportnya seperti gula, karet, teh, kopi, tembakau, kopra dan koko turut merudum di pasaran antarabangsa.

Keadaan kehidupan petani juga menjadi bertambah sulit dengan tindakan para pelabur asing yang telah sekian lama menanam modal di Hindia Belanda untuk menarik keluar modal mereka. Kejatuhan perdagangan dunia dan tindakan para pelabur ini, menambahkan lagi kesengsaraan ekonomi penduduk luar bandar yang telahpun terjejas teruk, terutama mereka yang berhubungan langsung dengan pasaran dunia (Brown, 1986).

Ketika ini juga pendapatan pemerintah mulai berkurangan dan menyebabkan pemerintah kolonial Belanda menaikkan cukai serta mengenakan cukai baru. Keadaan ini juga turut

mempengaruhi kemampuan Hindia Belanda untuk membayar hutangnya semasa depresi (Burger, 1975). Bagi rakyat pula, pendapatan dalam bentuk wang tunai dari jualan pengeluaran pertanian berkurangan lebih banyak daripada tanggungan beban dan perbelanjaan tunai mereka (Creutzberg, 1974). Keadaan sebegini tentulah membawa kesan kepada dasar pintu terbuka dan hala tuju ekonomi serta involusi pertanian di Pulau Jawa.

Dalam jangka masa panjang, depresi menjadi titik mula menurunnya pertumbuhan ekonomi untuk jangka masa tiga dekad sehingga berakhirnya regim orde lama di Indonesia pada 1966. Ini kerana selepas depresi ekonomi diikuti pula oleh Perang Dunia II, pendudukan Jepang, revolusi serta akibat kebijaksanaan ekonomi pemerintahan presiden Sukarno yang amat buruk selama waktu 'demokrasi terpimpin' dan 'ekonomi terpimpin' (1959-1965).

Menjelang depresi ekonomi dunia, Hindia Belanda berada di puncak pertumbuhan ekonominya dengan industrinya telah berkembang pesat selama lebih dari 20 tahun. Akibat dari depresi itu pertumbuhan ekonomi Indonesia amnya dan Pulau Jawa khususnya, hanya dapat dipulihkan semasa pemerintahan Suharto. Selain itu hala tuju ekonomi juga turut berubah sesuai dengan perubahan dalam dasar-dasar ekonomi yang diamalkan oleh Hindia Belanda ketika depresi.

SUMBER-SUMBER

Artikel ini menggunakan perpaduan pelbagai sumber iaitu; sumber arsip khususnya dari Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI), baik dalam bentuk bertaip atau tulisan tangan terutama surat menyurat dan laporan; *Memories van Overgave (MvO)* (Memori Serah Jabatan) pula dalam bentuk mikrofilm yang tersimpan di Perpustakaan Utama 1, USM, Pulau Pinang; surat kabar dan majalah khususnya dari Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, sumber-sumber yang tidak diterbitkan dan buku serta artikel yang diperolehi daripada pelbagai tempat.

Perpaduan pelbagai jenis sumber ini penting untuk memberikan gambaran yang jelas dari sudut pandang tempatan terhadap perubahan dasar dan hala tuju ekonomi masyarakat di Pulau Jawa.

KESAN DEPRESI

Depresi yang melanda Pulau Jawa telah memberikan kejutan kepada jutaan pekerja dalam pelbagai sektor apabila kemakmuran ekonomi yang mereka nikmati merosot secara tiba-tiba. Ramai dalam kalangan pengusaha swasta mendapati diri mereka tidak

mampu berbuat apa-apa untuk melawan keadaan tersebut melainkan mengembalikan semula tanah yang disewa mengakibatkan tuan tanah tidak lagi mendapat hasil sewa, malahan sesetengahnya terhutang dengan penyewa akibat kegagalan mengembalikan wang pendahuluan yang diterima. Ada juga dalam kalangan mereka yang menolak pemulangan tanah sewaan kerana tidak mampu membayar pajak tanah. Buruh dan kuli menjadi penganggur dan mendapati diri mereka dibebani hutang yang memaksa mereka menggadai barangan berharga di pajak gadai. Kakitangan awam pula menghadapi pemotongan gaji dan pemberhentian kerja. Petani pemilik tanah yang berjinak-jinak dengan tanaman komersil dan ekonomi kapitalis terpaksa kembali kepada saradiri. Dalam waktu yang singkat kawasan tebu yang menjadi kebanggaan Pulau Jawa bertukar menjadi jelapang padi. Di mana-mana ramai yang berkeliaran mencari pekerjaan untuk sesuap nasi (Iskandar). Gejala kriminal dan pelanggaran undang-undang kian meningkat. Semua ini menyebabkan dasar pemerintah dalam bidang ekonomi mulai berubah.

PERUBAHAN DASAR EKONOMI DAN HALA TUJU

Depresi ekonomi tidak hanya meninggalkan kesan ke atas masyarakat khususnya pribumi tetapi turut mengubah hala tuju ekonomi Hindia Belanda untuk tahun-tahun berikutnya. Ianya turut melenyapkan prinsip perdagangan bebas dan politik pintu terbuka yang telah sekian lama diamalkan oleh pemerintah kolonial Belanda.

Dengan depresi yang semakin memuncak pemerintah Hindia Belanda tidak ada pilihan selain mengambil beberapa tindakan untuk mengelakkan ekonomi terus lumpuh yang boleh mengakibatkan kesan yang lebih buruk kepada masyarakat dan negara. Dalam hal ini pemerintah telah mengeluarkan peraturan untuk menghadkan pengeluaran gula, getah, teh dan kina di samping menghadkan pemberian lesen import, memperkenalkan peraturan import beras dan kacang soya, memberikan premium kepada pengangkutan serta mengawal pengeluaran, penjualan dan harga barang. Pemerintah juga turut membantu penanam kopi dan pengeluar batik melalui duti import dan premium eksport, mengeluarkan peraturan untuk menghadkan perusahaan tenun, pabrik rokok kretek, percetakan, pabrik ais serta aktiviti memunggah barangan di pelabuhan. Harga barangan dan gaji pekerja juga dikawal terutamanya selepas penurunan nilai mata wang gulden, pemberian pinjaman untuk membiayai perusahaan yang menghadapi masalah dan menggalakkan kegiatan sosial bagi membantu daerah yang terkena bencana dengan menyediakan makanan dan mendirikan Dana Kesejahteraan untuk semua mangsa bencana (Veem, 1950).

Semua ini merupakan sebahagian daripada tindakan yang belum pernah diambil oleh pemerintah sebelum depresi ekonomi. Sama ada disedari atau tidak semua tindakan ini menjurus kepada campur tangan dalam hal ehwal ekonomi yang belum pernah dilakukan

sebelum ini sehingga melenyapkan prinsip perdagangan bebas yang sekian lama dipertahankan oleh Belanda sebagai dasar ekonominya.

Melalui penerapan sistem lesen import-eksport membolehkan pembahagian barangan import kepada setiap pengimport. Penghadan dan pelesenan bukan sahaja melindungi industri dan perdagangan Belanda di Hindia Belanda daripada ancaman luar khususnya Jepang, tetapi juga industri dan peniaga kecil pribumi yang terus berkembang dalam masa depresi. Dengan demikian berakhirilah politik 'pintu terbuka' yang sekian lama dianggap sebagai prinsip penting yang membawa kemakmuran kepada Hindia Belanda (Gonggrijp, 1957).

Tindakan campur tangan pemerintah yang melenyapkan perdagangan bebas dan berakhirnya politik pintu terbuka secara tidak langsung telah membuka pintu kepada pemerintah Hindia Belanda dalam menentukan hala tuju ekonomi terutamanya berhubung perundingan perdagangan antarabangsa (KITLV dan LIPI, 1978). Jelasnya melalui tindakan-tindakan mengawal depresi pemerintah mendapat lebih banyak kuasa dalam menentukan hal ehwal ekonomi berbanding sebelum depresi yang ditentukan oleh ekonomi pasaran.

Perubahan ini memberi peluang kepada pemerintah untuk menilai segala potensi yang ada dalam masyarakat, khususnya usaha untuk memperbaiki sosioekonomi masyarakat pribumi. Keadaan demikian mendorong pemerintah untuk pertama kali memberi perhatian kepada sektor industri kecil dan informal yang sebahagian besarnya melibatkan golongan pribumi. Depresi ekonomi menyebabkan sektor ini menjadi penting setelah sekian lama diabaikan. Semakin penting sesuatu perkara bagi pemerintah semakin banyak catatan atau laporan tentangnya (Kasijanto, 1990). Sebelum depresi laporan berkaitan hal ini sangat sedikit dan hanya terdapat dari *Momorie van Overgave* (Memori Serah Jabatan). Mulai tahun-tahun akhir depresi hal ini mula memperlihatkan kepentingannya apabila timbunan dokumen mengenainya mula kelihatan.

Dengan ini tumpuan dasar ekonomi pemerintah telah beralih dari pembangunan barangan eksport kepada pengembangan kegiatan ekonomi dalam negeri. Bagi tujuan ini pada 1934 telah dilakukan penstrukturan semula Jabatan Pertanian, Usaha Kerajinan dan Perdagangan kepada Jabatan Perekonomian untuk memudahkan pengawalan dan pengembangan secara terpusat (KITLV dan LIPI, 1978).

Jelasnya akibat daripada depresi, dasar-dasar ekonomi yang diamalkan di Hindia Belanda mula berubah. Perubahan ini mula dikesan pada 1933 dengan kemunculan Rancangan Kerja Ekonomi pertama sebagai langkah untuk menangani masalah ekonomi semasa depresi (KITLV dan LIPI, 1978). Sebagai langkah awal pemerintah berusaha mengawal perbelanjaan bagi mengurangkan jumlah defisit yang semakin meningkat. Jumlah defisit

dan keadaan kewangan di Hindia Belanda boleh dilihat dalam belanjawan seperti pada jadual 1.

Jadual 1
Belanjawan Hindia Belanda antara 1928-1935
(dalam juta gulden)

Perkara	1928	1929	1930	1931	1932	1933	1934	1935
Pendapatan	551	523	445	386	299	289	293	282
Perbelanjaan	510	515	530	488	448	401	367	327
Lebihan	41	8	-	-	-	-	-	-
Defisit	-	-	85	102	149	112	74	45

Sumber: A. Neytzell de Wilde dan A.J. Gooszen

Berdasarkan jadual 1, lebihan dalam belanjawan hanya berlaku sehingga 1929, selepas itu bermulalah episod defisit dalam belanjawan Hindia Belanda. Walaupun sejak 1930 telah diketahui pendapatan negara kurang daripada perbelanjaan namun pemerintah tidak mengambil sebarang tindakan untuk mengurangkannya. Sebaliknya mereka mula meminjam dari luar untuk menampung defisit belanjawan. Pada 1913 hutang negara berjumlah f100 juta dan 1931 pula sebanyak f500 juta, tetapi pada 1935 telah meningkat kepada f1512 juta walaupun bebanan cukai telah meningkat sebanyak 80% dan deflasi menjadi lebih buruk akibat pemotongan gaji hingga 45% terutamanya bagi pegawai rendah swasta, serta pemberhentian semua projek seperti pembinaan jalan raya, jalan kereta api, bangunan, pengangkutan dan pengairan (Rotgans, 1936).

Usaha-usaha mengawal defisit hanya dilakukan pada 1933. Dengan hutang yang banyak, kedudukan kewangan pemerintah menjadi lebih berat. Untuk membayar bunga dan ansuran tahunan sahaja Hindia Belanda harus membayar f100 juta atau 1/3 pendapatan tahunan negara (Anonymous, 1933). Pada 1936, pembayaran hutang negara dan pencen sahaja memerlukan 44% daripada pendapatan negara sementara pertahanan 20% (Vries, 1985). Dengan demikian pengurangan perbelanjaan terpaksa dilakukan khususnya untuk kebajikan. Butiran perbelanjaan negara seperti dalam jadual 2.

Jadual 2
Perbelanjaan Semua Jabatan Berkaitan dengan Kebajikan
di Jawa dan Madura 1929-1936 (dalam ribu gulden)

(I)
Jabatan Ekonomi (JE) dan Jabatan Dalam Negeri (JDN)

Perkara	1929	1933	1936
Perbelanjaan umum JE	- 469	392	- 130
Urusan alam sekitar JE	541	214	116
Peningkatan pertanian & perikanan JE	1,776	2,055	1,533
Peningkatan kerajinan JE	289	396	430
Perkhidmatan dokter haiwan JE	997	858	549
Perniagaan dan statistik JE	908	851	971
Sekatan penanaman JE	-	112	287
Bank rakyat dan koperasi JDN	- 169	10	- 92
Transmigrasi pribumi JDN	133	20	130
Jumlah A	4,006	4,908	3,794

(II)
Pekerjaan Umum (PU) dan Perhubungan Laut (PL)

Perkara	1929	1933	1936
Jambatan dan jalan biasa PU	7,582	3,248	2,449
Jambatan dan jalan luar biasa PU	490	405	113
Pengairan biasa PU	6,268	524	- 151
Pengairan luar biasa PU	3,923	724	462
Rambu-rambu laut dan pantai PL	1,247	802	579
Ramalan keadaan cuaca PL	212	162	115
Jumlah B	19,722	5,865	3,567

Catatan: * Semasa zaman Belanda (sebelum 1942) disebut *Verkeer en Waterstaat* atau V&W (Lalu lintas dan Pengairan). Selepas Indonesia merdeka disebut sebagai Pekerjaan Umum (P.U.).

(III)
Jabatan Pendidikan (JP) dan Jabatan Kesihatan (JK)

Perkara	1929	1933	1936
Sek. Dasar pribumi & sekolah rakyat JP	18,885	18,104	10,800
Sekolah rendah Eropah JP	15,670	11,601	7,753
Sekolah teknik dan pertukangan JP	1,400	1,979	1,298
Sekolah pendidikan guru JP	2,700	2,477	736
Bacaan rakyat JP	394	228	106
Kesihatan JK	958	235	96
Penerangan dan rawatan perubatan JK	115	74	53
Peghapusan penyakit berjangkit JK	1,000	1,024	1,062
Jumlah C	41,122	35,722	21,904
Jumlah A+B+C	64,850	46,495	29,265

Sumber: E. de Vries, "Kekhuatiran Kesejahteraan dan Santunan Kesejahteraan di Hindia Belanda", dalam Egbert de Vries, *Pertanian dan Kemiskinan di Jawa*, hlm. 101-104.

Berdasarkan jadual 2, jumlah belanjawan yang diperuntukkan oleh pemerintah bagi tujuan kesejahteraan masyarakat telah berkurang sebanyak 28% pada 1933 dan 55% pada 1936 berbanding 1929. Pengurangan yang banyak ini tentunya mempengaruhi keadaan kesejahteraan rakyat kerana sektor-sektor yang terbabit berkait dengan keperluan asas rakyat secara langsung seperti urusan pertanian, perikanan, industri, koperasi, transmigrasi, jalan raya, jambatan, pengairan, pendidikan dan kesihatan. Belanjawan tahunan sektor-sektor ini seharusnya meningkat memandangkan jumlah penduduk semakin bertambah.

Kesan jangka panjang kemelesetan ialah berkurangnya kesempatan untuk belajar bagi kanak-kanak, peluang untuk mendapatkan rawatan menjadi terhad, jalan perhubungan yang tidak bertambah baik dan terencatnya program penempatan semula penduduk ke pulau-pulau lain. Pengurangan perbelanjaan untuk pengairan dan saliran serta pertanian membawa akibat jangka panjang yang lebih buruk, apabila kawasan-kawasan pertanian baru tidak dapat dibuka. Bantuan-bantuan lain untuk tujuan meningkatkan pertanian juga tidak dapat disalurkan kerana kekurangan peruntukan.

Peningkatan keluasan tanaman makanan seperti padi memang berlaku, tetapi ini sekadar untuk mengambil alih tempat yang ditinggalkan oleh tebu. Jelasnya peningkatan keluasan kawasan padi berlaku bukan di atas kawasan yang baru. Kemuncak keluasan tanaman tebu (perladangan dan milik pribumi) berlaku pada 1931 dengan keluasan 212,700 hektar dengan jumlah keluasan terendah 39,085 hektar pada 1935 (Mansvelt, 1975). Ini bermakna berlakunya penurunan sebanyak 173,615 hektar. Tanaman padi pula berkembang dari 10,969,900 hektar pada 1931 kepada 11,063,400 hektar pada 1935 dengan pertambahan sebanyak 93,500 hektar. Ini bermakna terdapat 80,115 hektar lagi

tanah sawah yang telah dikembalikan oleh pengusaha ladang tebu tetapi tidak dapat ditanami padi.

INVOLUSI PERTANIAN

Konsep involusi pertanian telah dikemukakan oleh Clifford Geertz, yang mengaitkannya dengan proses perubahan ekologi di Indonesia. Menurut Geertz involusi pertanian dicirikan oleh jumlah produktiviti yang tidak meningkat (Geertz, 1968). Produktiviti hanya mencukupi untuk ukuran keperluan per orang (tanaga kerja), peningkatan hasil per hektar memang dicapai, tetapi hasil yang lebih tinggi ini hanya cukup untuk mempertahankan keperluan penyediaan makanan per orang. Oleh kerana ramainya orang melakukan sesuatu pekerjaan, maka keuntungan masing-masing sangat sedikit. Jelasnya involusi bermaksud produktiviti per tenaga kerja yang semakin menurun. Hal inilah yang terjadi keatas para petani padi di Pulau Jawa semasa depresi ekonomi ini.

Masalah pengairan dan bantuan untuk kebajikan seperti yang dibincangkan sebelum ini semakin berkurang akhirnya menjadi salah satu penyumbang kepada berlakunya involusi pertanian di Pulau Jawa, kerana salah satu faktor penentu kepada penanaman padi sawah ialah air. Tiga fungsi utama air ialah pengairan yakni mengelakkan tanah menjadi kering, mengawal air yang mencukupi semasa musim kering serta mengendalikan air ketika banjir dan pembajaan semulajadi iaitu menyuburkan tanah (Geertz, 1968).

Tanpa air yang mencukupi banyak tanah yang terbiar tidak dapat diusahakan. Malah kekurangan air merupakan salah satu sebab tanah yang telah dikembalikan tidak dapat dikerjakan secara maksima. Dalam pada itu jumlah petani terus meningkat akibat pertambahan penduduk secara semulajadi serta pemberhentian berterusan buruh ladang tebu dan industri gula yang kembali bekerja di sawah padi akibat depresi. Disebabkan sesuatu keadaan pribumi di Pulau Jawa meninggalkan kerja tani untuk menjadi buruh tetapi akibat kemelesetan bekas buruh ladang dan kilang gula terpaksa mencari perlindungan melalui cara lama yakni pertanian saradiri (Anonymous, 1934). Namun akibat keluasan sawah yang dimiliki sudah sedia kecil, pertambahan jumlah pekerja - khususnya dari kalangan ahli keluarga yang diberhentikan- hanya meringankan pekerjaan dan tidak menambah keluasan. Dari sinilah bermulanya involusi pertanian.

Sejak kemelesetan bermula pendapatan masyarakat termasuk petani berkurangan dengan banyaknya, tetapi bekalan makanan dan keperluan asas masih terjamin. Hal ini terjadi apabila harga gula menurun, sebahagian besar dari kawasan tanaman tebu dipulangkan kepada petani tuan tanah yang kemudiannya menanam tanaman makanan seperti padi dan lain-lain. Peningkatan jumlah pengeluaran padi per hektar memang terjadi kerana penjagaan rapi terutama daripada haiwan perosak dan penyakit. Jumlah pekerja yang ramai yang terdiri daripada bekas buruh ladang dan kilang gula membantu dalam hal ini.

Walaupun pendapatan wang berkurangan keperluan asas dan bekalan makanan petani terus terjamin sekurang-kurangnya untuk keperluan asas. Mulai 1930-an persediaan makanan per orang memang menurun dan ini telah mengubah pola pengambilan makanan pribumi dengan berkurangnya pengambilan beras, sedangkan pengambilan jagung dan ubian bertambah.

Apabila jumlah penduduk yang luar biasa besarnya diserap ke sawah yang terlalu kecil memang terjadi peningkatan dalam pengeluaran per hektar, tetapi pertambahan tersebut hanya cukup untuk keperluan sendiri. Pola pertanian sawah dengan produktiviti per hektar memang meningkat tetapi produktiviti per tenaga kerja tidak demikian, kerana sawah yang sama menampung jumlah pertambahan penduduk dan tenaga kerja yang tidak tertampung di sektor lain. Dengan demikian konsep involusi ini sebenarnya merupakan suatu pola perubahan secara teknikal di mana pengeluaran pertanian ditingkatkan dengan cara menambahkan kemasukan tenaga kerja ke setiap bidang sawah. Oleh kerana semakin ramai yang mengerjakannya maka pertambahan hasil tidak membawa apa-apa erti kepada pekerja yang terlibat. Hal ini bertepatan dengan apa yang dimaksudkan oleh Geertz bahawa involusi bermaksud produktiviti tenaga kerja yang semakin menurun. Dari sinilah permulaan involusi pertanian khususnya di Jawa. Inilah yang berlaku kepada pertanian sawah semasa kemelesetan mulai 1929 hingga 1935.

KESIMPULAN

Ketika depresi ekonomi 1929 terjadi ekonomi Hindia Belanda berada di puncak pertumbuhannya. Depresi menyebabkan barangan hasil pertanian Hindia Belanda tidak laku di pasaran antarabangsa. Ini meninggalkan kesan besar bukan sahaja kepada syarikat pertanian swasta tetapi juga penduduk pribumi. Mereka mendapati diri mereka menjadi miskin hampir secara tiba-tiba.

Pemerintah Hindia Belanda agak lambat bertindak untuk mengamankan ekonominya. Langkah-langkah drastik hanya diambil sekitar tahun 1933 dengan melakukan pengawalan dalam urusan ekonomi. Akibatnya berlakulah perubahan dalam dasar ekonomi di Hindia Belanda daripada dasar perdagangan bebas kepada dasar campur tangan dalam ekonomi. Maka depresi menyebabkan lenyapnya dasar perdagangan bebas untuk selamanya yang sebelumnya sangat dibangga dan dipertahankan oleh pemerintah Hindia Belanda selama penjajahannya.

Pemotongan budget dalam hal-hal berkaitan kebajikan seperti di Jabatan Ekonomi, Jabatan Dalam Negeri, Pekerjaan Umum, Perhubungan Laut, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Kesihatan jelas merupakan satu pendekatan yang silap. Ini kerana dalam keadaan depresi ekonomi sepatutnya pemerintah mengukuhkan institusi kebajikan yang boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutamanya di sektor pertanian sawah padi, yang

sekurang-kurangnya dapat menyediakan keperluan asas bagi rakyat. Kenyataan sehingga terjadinya involusi pertanian di Pulau Jawa akibat depresi adalah satu episod malang yang tidak sepatutnya terjadi di Pulau Jawa.

Dengan demikian depresi sebenarnya telah meninggalkan kesan jangka pendek dan jangka panjang tidak hanya kepada pengusaha swasta, malahan pemerintah dan pribumi di Hindia Belanda. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh Belanda terutama dalam tahun 1930-an untuk memulihkan ekonominya, namun sehingga berakhir pemerintahan Belanda di Hindia Belanda, mereka tidak pernah mengumumkan sebarang kejayaan dalam mengatasi masalah depresi tersebut.

DAFTAR PUSTAKA

- Abidin, Zainal Safarwan. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Utusan Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Anonymous. 6 Disember 1935. *Indonesia Dinamakan krisis*. Tempo.
- Anonymous. 31 March 1934. *Krisis di Indonesia: Dari Kota Pulang ke Desa*. Sedio Tamo.
- Anonymous. 10 Februari 1933. *Waktu Sukar*. Soeara Katholiek.
- Boomgaard, Peter. 1988. *Treacherous Cane: The Java Sugar Industry Between 1914 and 1940* dalam Bill Albert dan Adrian Graves (peny.), *The World Sugar Economy in War and Depression, 1914-1940*. Routledge. London.
- Booth, Anne; W.J.O'Malley dan Anna Weidemann. 1990. *Indonesian Economic History in the Dutch Colonial Era*. New Haven. Yale University.
- Brown, Ian. 1986. Rural Distress in Southeast Asia During the World Depression of the Early 1930s: A Preliminary Reexamination. *Journal of Asian Studies* 45 (5).
- Brown, Ian. 1999. *Economic Change in South-East Asia 1830-1980*. Oxford University Press.
- Burger, D.H. 1975. *Sociologisch-Economische Geschiedenis van Indonesia: Indonesia in de 20e eeuw*. deel II. Koninklijk Instituut voor Taal- Land-en Volkenkunde. Leiden.

- Cator, W.J. 1936. *The Economic Position of the Chinese in the Netherlands Indies*. Blackwell. Brasil.
- Creutzberg, P. 1974. *Het Ekonomisch Beleid in Nederlandsch-Indie: Capita Selecta*. Tweede Stuk. H.D. Tjeenk Willink BV. Groningen.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. 1989. *Kamus Besar Bahasa Indonesia*. Balai Pustaka. Jakarta.
- Djojohadikusumo, Sumitro. 1943. *Het Volkscredietwezen in de Depressie*. Disertasi Ph.D. University Rotterdam.
- Djojohadikusumo, Sumitro. 1989. *Kredit Rakyat: Di Masa Depresi*. LP3ES. Jakarta.
- Elson, R.E. 1984. *Javanese Peasants and the Colonial Sugar Industry Impact and Change in an East Java Residency 1830-1940*. Oxford University Press. New York.
- Furnivall, J.S. 1939. *Netherlands India: A Study of Plural Economy*. Cambridge University Press. London.
- Geertz, Clifford. 1968. *Agricultural Involution: The Process of Ecological Change in Indonesia*. University of California Press. Berkeley and Los Angeles.
- Gonggrijp, G. 1957. *Schets Ener Economische Geschiedenis van Indonesie*. De Erven F. Bohn N.V. Haarlem.
- Ingleson, John. 1988. Urban Java During the Depression. *Journal of Southeast Asian Studies* Vol.XIX No.2.
- Iskandar, R. Javaansche Brochure Omtrent der Economische Toestand op Java. *BB. Arsip Nasional Indonesia*. Jakarta. No. 2817A.
- Kahin, George McTurnan. 1970. *Nationalism and Revolution in Indonesia*. Cornell University Press. London.
- Kartodirdjo, Sartono dan Djoko Suryo. 1991. *Sejarah Perkebunan di Indonesia: Kajian Sosial-Ekonomi*. Aditya Media. Yogyakarta.
- Kasijanto. 1990. Industri Kampung di Jawa 1890-1940: Sebuah Sketsa Pendek. Makalah dibentangkan dalam *Seminar Sejarah Industrialisasi*. Universitas Indonesia. 26-28 Februari 1990. Jakarta.

- KITLV dan LIPI. 1978. *Kebijaksanaan Pemerintah Hindia Belanda di Bidang Perekonomian: Beberapa Bab Terpilih dari Sejarah Indonesia di Bidang Perekonomian Selama Masa 1901-1941*. KITLV dan LIPI. Jakarta.
- Klerck, E.S. 1975. *History of the Netherlands East Indies*. Amsterdam.
- Mansvelt, W.M.F. dan P. Creutzberg. 1975. *Changing Economy in Indonesia* Vol. 1 .The Hague: Martinus Nijhoff.
- Nitisastro, Widjojo. 1970. *Population Trends in Indonesia*. Cornell University Press. London.
- O'Malley, William Joseph. 1977. *Indonesia in the Great Depression: A Study of East Sumatra and Jogjakarta in the 1930's*. Disertasi Ph.D. University Cornell.
- O'Malley, W.J. 1979. The Bengkalis Hunger Riots of 1935 dalam *Between People and Statistics: Essays on Modern Indonesian History*. Presented to P. Creutzberg. Martinus Nijhoff. The Hague.
- Penders, C.L.M. 1984. *The Ethical Policy in Action: The Effect of Cheaper Credit Facilities and Agricultural Extension in Bojonegoro and Tulungagung*. Makalah seminar: Economic Growth and Social Change in Indonesia 1820-1940. University of Groningen.
- Popkin, Samuel L. 1979. *The Rational Peasant, The Political Economy of Rural Society in Vietnam*. University of California Press. Los Angeles.
- Rahardjo, M. Dawam. 1989. Perkreditan Rakyat di Pedesaan dan Koperasi: Sisi Lain Sumitro Djojohadikusumo (dalam Sumitro Djojohadikusumo: *Kredit Rakyat: Di Masa Depresi*). LP3ES Jakarta.
- Rotgans, G.E. 1936. The National Finances in 1935. *The Netherlands Indies* Vol. VI No. 9, 1 Mei.
- Scott, James C. 1976. *The Moral Economy of the Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia*. Yale University Press.
- Tate, D.J.M. 1979. *The Making of Modern South-East Asia: The Western Impact: Economic and Social Change* Vol. 2. Oxford University Press.

- Veem, A.G. van. 1950. Voeding (Makanan), dalam *Een Eeuw Natuurwetenschap in Indonesie, 1850-1950: Gedenkboek Koninklijke Natuurkundige Vereeniging*. Koninklijke Natuurkundige Vereeniging. Bandung.
- Vries, Egbert de. 1985. *Pertanian dan Kemiskinan di Jawa*. Yayasan Obor Indonesia dan Gramedia.
- Wilde, A. Neytzell de dan J. Th. Moll. 1936. *The Netherlands Indies During the Depression: A Brief Economic Survey*. J.M. Meulenhoff. Amsterdam.
- Zainun, Nazarudin. 2003. *Kemelesetan Ekonomi Dunia: Kesan Sosioekonomi di Pulau Jawa (1929-1935)*. Disertasi Ph.D.Universiti Sains Malaysia.